

**TEKS UCAPAN**  
**KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,**  
**REKTOR KUKUM SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KANIVAL KERJAYA**  
**KEBANGSAAN ZON UTARA PADA 12 JANUARI 2007 DI DEWAN 2020**

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis

Yang Berhormat Dato' Hj Che Sulaiman Shafie, Speaker Dewan Undangan Negeri  
Perlis

Yang Berhormat Tuan Hj Ismail Osman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Yang Berusaha Prof Madya Zaliman Sauli, Pengurus Jawatankuasa Kanival Kerjaya  
Kebangsaan Zon Utara 2007

Dif-Dif Kehormat, Pegawai-Pegawai Utama KUKUM, Dekan-Dekan Dan Ketua-  
Ketua Jabatan, Wakil-wakil industri, Wakil-Wakil Media, warga KUKUM dan hadirin-  
hadirat yang dihormati sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah Subbahau Wa Taala kerana di atas limpah kurnia, kasih  
dan sayang serta dengan izin-Nya dapat kita berkumpul pada hari ini di majlis  
perasmian Karnival Kerjaya Kebangsaan Zon Utara yang akan berlangsung selama  
tiga hari bermula pada hari ini.Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini  
untuk mengalu-alukan kedatangan Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Perlis,

Dato Seri Dr. Shahidan bin Kassim, dif-dif kehormat, para tetamu jemputan yang hadir di majlis pada hari ini.

Syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa Karnival Kerjaya Kebangsaan Zon Utara ini kerana di atas usaha gigih serta inisiatif mereka yang bertungkus-lumus dalam mencanai idea, menyusun rencana dalam melangsungkan program ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program yang sudah pasti memberikan banyak manfaat kepada kita semua. Tanpa sokongan yang padu dari anda semua, mustahil apa yang dirancangkan ini mampu membawa hasilnya.

Karnival Kerjaya Kebangsaan Zon Utara yang bermula pada hari ini dianjurkan oleh Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Karnival ini merupakan pecahan daripada program mengikut Zon: Zon Tengah, Zon Utara, Zon Pantai Timur, Zon Selatan dan Zon Sabah & Sarawak dan KUKUM dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan karnival di peringkat zon utara.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Jika kita melihat senario pada hari ini, seringkali kita mendengar ramai siswazah merungut sukar mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian walaupun mereka sudah beberapa tahun menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Alasannya majikan tidak mahu menerima pekerja yang tiada pengalaman, persaingan hebat antara siswazah serta tidak tahu syarikat ada menawarkan jawatan kosong.

Berdasarkan kajian Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pada 24 september 2005 hingga 7 oktober 2005, menerusi 'pendaftaran siswazah menganggur dan guna tenaga di kalangan siswazah', mendapati seramai 59,250 siswazah menganggur atau mengikut pecahannya adalah 96.4% atau 57,072 bumiputera, cina 1.7% (1,027), india 1.7% (1,007) dan lain-lain (0.2%) 144. Berdasarkan data-data ini, timbul persoalan di fikiran saya, adakah siswazah hari ini terlalu memilih pekerjaan ataupun tidak tahu tentang saluran yang ada untuk mendapatkan pekerjaan?

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pemikiran 'lebih baik menganggur selagi tidak jumpa kerja sesuai' perlu dibuang dari minda setiap siswazah kerana ia bukan saja merugikan mereka, malah merugikan sektor yang memerlukan tenaga kerja. Siswazah sepatutnya berani menyahut cabaran mendapatkan kerja pada masa kini dengan membuka pilihan kerja lebih luas dan tidak hanya menjurus kepada bidang dipelajari.

Dalam sektor perkhidmatan, kelulusan seseorang dalam bidang itu bukan ukuran segala-galanya. Apa yang penting, dunia pekerjaan melihat keupayaan seseorang siswazah berkomunikasi dengan baik, mempunyai minat yang mendalam serta komited terhadap kerjaya. Siswazah tidak perlu bimbang mengenai ketidakserasan di antara kelayakan yang dimiliki dan aliran bidang kerja yang ingin diceburi.

Sikap terlalu memilih atau mahu mencari keserasian itu sering menjurus kepada masalah pengangguran yang merugikan semua pihak terutama siswazah. Siswazah sepatutnya lebih mementingkan pengalaman bekerja dan peluang untuk maju lagi bermula kerja yang pertama. Apa yang patut ditanam dalam pemikiran siswazah ialah mempunyai pekerjaan baik dan dapat memberi pulangan daripada duduk di rumah dan tidak membawa apa-apa hasil. Sehubungan itu, perkara yang perlu

diterap dalam minda seseorang siswazah adalah siswazah tidak seharusnya mencari-cari peluang kerja yang tidak ada di pasaran tetapi menerima pekerjaan yang ditawarkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Pihak kerajaan sentiasa memikirkan bagaimana untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah. Misalnya dengan mengadakan Karnival Kerjaya seperti hari ini yang sudah pasti berupaya membantu golongan siswazah mahupun mahasiswa yang sedang mencari pekerjaan. Kita muh melaksanakan karnival kerjaya seperti ini sebagai pusat sehenti bagi membolehkan siswazah mencari serta mendapatkan maklumat pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan mereka. Saya percaya karnival ini juga berupaya membantu siswazah memperoleh pendedahan mengenai dunia kerjaya di samping membuka peluang memperoleh pekerjaan melalui kerjasama antara pihak institusi pengajian tinggi dengan industri korporat.

Karnival seperti ini amat penting untuk sama-sama disuburkan, demi memastikan anak bangsa dan generasi belia yang berpendidikan tinggi serta mampu bergerak ke hadapan seiring dengan tuntutan dunia globalisasi. Namun perlu diingat, siswazah tidak seharusnya ‘berlenggang kangkung’ apabila ke karnival kerjaya. Mereka perlu membuat persediaan secukupnya. Siswazah perlu berpakaian formal dan kemas seperti ke tempat kerja dan membawa sekali resume, sijil, salinan kad pengenalan dan apa saja yang dirasakan perlu dibawa.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sebagaimana yang kita lihat karnival pada hari ini tidak hanya melibatkan pihak industri dan badan korporat sahaja, malah turut disertai oleh institusi pengajian

tinggi awam dan swasta. Saya yakin karnival ini dapat memberi peluang kepada pengunjung terutama para pelajar untuk meninjau kemudahan-kemudahan dan corak pengajian yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta yang sudah pasti akan memudahkan kita untuk mengumpul maklumat, membuat perbandingan, mengaju persoalan-persoalan dan seterusnya mewujudkan alternatif yang difikirkan terbaik untuk diri kita atau pun anak-anak kita.

Akhir kata sebelum mengakhiri ucapan, saya bagi pihak Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana telah sudi hadir dan merasmikan Karnival Kerjaya Kebangsaan Zon Utara ini. Ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat menjayakan program kami ini. saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih.